



UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGGAL 60

AKTA ANJING

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI SEMAKAN

PENGGAL 60

ANJING

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran pendek.
2. Anjing-anjing hendaklah didaftarkan.
3. Bayaran-bayaran dan cara pendaftaran.
4. Hukuman kerana tidak mendaftar.
5. Hukuman kerana membenarkan anjing keluar dari rumah tanpa suatu lencana.
6. Penukaran hak milek hendaklah diberitahu.
7. Anggapan.
8. Pengecualian.

Jadual

AKTA ANJING

3 tahun
1939
(Penggal 60
tahun 1951)
S. 99/59.
S. 14/90
S. 15/90

Gelaran
pendek.

Anjing-
anjing
hendaklah
didafataran.

Bayaran-
bayaran dan
cara
pendafataran.

**Suatu Akta untuk memperuntukkan bagi pendaftaran
hak milek anjing-anjing.**

Permulaan kuatkuasa : 17hb April 1939

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Anjing.
2. Tuan punya mana-mana anjing yang berumur lebih dari 3 bulan hendaklah mendaftarkan anjing tersebut dengan cara yang diperuntukkan selepas ini, dan setiap pendaftaran demikian hendaklah berkuatkuasa untuk tahun itu sahaja.
3. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat hendaklah mempunyai kuasa untuk menetapkan bayaran yang patut dikenakan bagi pendaftaran setiap anjing jantan atau betina dan setelah membayar bayaran tersebut di balai polis daerah itu atau di tempat lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri tersebut hendaklah didaftarkan dengan mencatatkan keteranganya, dengan nama dan alamat tuan punya dalam sebuah buku yang disimpan bagi maksud itu, dan tuanpunya akan diberi suatu label atau lencana logam yang bernombor dan dengan suatu resit ber cetak yang ditandatangani oleh pegawai yang mendaftar.

 (2) Jika lebel atau lencana logam bagi tahun itu hilang atau rosak tuan punya seekor anjing yang berdaftar boleh memperolehi daripada pegawai yang mendaftar suatu lebel atau lencana yang baru setelah membayar bayaran yang ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat.
4. Setiap anjing hendaklah didaftarkan sebelum hari pertama bulan Februari dalam setiap tahun, atau sebaik sahaja selepas ianya mencapai umur 3 bulan. Tuan punya mana-mana anjing yang gagal mendaftarkan anjing tersebut dengan cara yang ditetapkan adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$250 atau jika gagal penjara selama 14 hari, dan

Hukuman
kerana
tidak
mendaftar.

dalam hal sabitan yang kedua atau yang berikutnya suatu denda sebanyak \$500 atau jika gagal penjara selama satu bulan.

5. (1) Lebel atau lencana logam yang diberikan berhubung dengan seekor anjing yang didaftarkan di bawah bab 3 hendaklah dengan digantung dengan kukuh dan nyata dari leher dan sentiasa dipakai oleh anjing tersebut. Tuan punya mana-mana anjing yang berdaftar yang membiarkan anjing tersebut keluar rumah tanpa memakai lebel atau lencana bagi tahun itu adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$250 atau jika gagal penjara selama satu bulan.

Hukuman kerana membentarkan anjing keluar dari rumah tanpa suatu lencana.

(2) Mana-mana anjing yang didapati terbiar tanpa lebel atau lencana demikian bagi tahun itu boleh dimusnahkan atau ditahan oleh polis atau oleh mana-mana jabatan lain yang diberikuasa bagi maksud tersebut oleh Menteri.

6. (1) Setiap orang yang membeli atau sebaliknya memperolehi pemilikan seekor anjing yang berdaftar hendaklah dalam masa 14 hari memberi maklumat mengenai keterangan di tempat di mana anjing tersebut telah didaftarkan, dan nama orang tersebut sesudah itu hendaklah ditukar dengan nama tuan punya anjing yang terakhir, dan suatu bayaran yang akan ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat hendaklah dikenakan bagi penukaran tersebut.

Penukaran hak milik hendaklah diberitahu.

(2) Setiap orang yang melanggar bab ini adalah bersalah : Hukuman, denda \$100 atau jika gagal penjara selama 14 hari.

7. Jika terdapat sebarang keraguan tentang hak milik bagi mana-mana anjing, mana-mana orang yang didapati memiliki anjing tersebut atau penduduk tempat yang sering dikunjunginya hendaklah dianggap sebagai tuan punya sehingga dibuktikan sebaliknya.

Anggapan.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

4

PENG. 60

Anjing

Pengecuali-
an.

8. Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesurat boleh pada bila-bila masa dengan pemberitahuan awam mengecualikan mana-mana daerah dari kuatkuasa Akta ini dan boleh dengan cara yang sama membatalkan atau mengubah pengecualian tersebut.

UNDANG-UNDANG TAMBAHAN

Preskripsi bayaran-bayaran di bawah bab 3

ATURAN-ATURAN PENDAFTARAN ANJING
(BAYARAN-BAYARAN)B.R.O.N.
29/46
B.R.O.N.
74/47.*Permulaan kuatkuasa : 23hb November 1946*

1. Aturan-aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Pendaftaran Anjing (Bayaran-Bayaran). Gelaran.
2. Bayaran-bayaran tahunan yang patut dibayar untuk lesen-lesen anjing hendaklah \$5 bagi setiap ekor anjing. Bayaran-bayaran untuk lesen-lesen anjing.
3. Bayaran yang patut dibayar kepada Pegawai Yang Mendaftar bagi pengeluaran sebuah lebel atau lencana baru menurut peruntukan-peruntukan ceraian (2) dari bab 3 dari Akta Anjing hendaklah \$3. Bayaran-bayaran untuk mengganti label-label dan lencana-lencana anjing.

Pemberikuasaan bagi jabatan-jabatan tertentu untuk memusnahkan atau menahan anjing-anjing di bawah bab 5 (2)

PEMBERITAHUAN PENDAFTARAN ANJING
(JABATAN-JABATAN YANG DIBERIKUASA)

G.N. 19/53.

Permulaan kuatkuasa : 6hb Februari 1953

1. Pemberitahuan ini boleh digelar sebagai Pemberitahuan Pendaftaran Anjing (Jabatan-Jabatan Yang Diberikuasa). Gelaran.
2. Lembaga Bandaran, Kuala Belait dan Seria, Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, dan Lembaga Bandaran, Tutong adalah, selain dari polis, diberikuasa untuk memusnahkan atau menahan mana-mana anjing yang didapati berkeliaran tanpa sesuatu lebel atau lencana bagi tahun itu. Lembaga-Bandaran tertentu diberikuasa untuk memusnahkan atau menahan anjing-anjing sesat.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

6

PENG. 60

Anjing

[Tambahan]

Pemberitahuan bagi pengecualian di bawah bab 8

B.R.O.N.
13/41.

PEMBERITAHUAN PENDAFTARAN ANJING (PENGECUALIAN)

Permulaan kuatkuasa : 1hb April 1941

Gelaran.

1. Pemberitahuan ini boleh digelar sebagai Pemberitahuan Pendaftaran Anjing (Pengecualian).

Pengecualian dari peruntukan-peruntukan Akta bagi semua kecuali kawasan-kawasan yang dijadualkan dalam Brunei.

2. Seluruh Negara Brunei Darussalam, di luar kawasan-kawasan yang ditentukan dalam Jadual, adalah dikecualikan dari peruntukan-peruntukan Akta Anjing.

JADUAL

1. Kawasan-kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria ;
2. Kawasan tanah di antara Sungai Bera dan Sungai Belait, sehingga setengah batu ke dalam dari bahagian pantai, yang mana tidak termasuk sama ada dalam kawasan Lembaga Bandaran Kuala Belait atau kawasan Lembaga Bandaran Seria ;
3. Sekeping tanah setengah batu lebar di setiap tepi jalan Bandar Seri Begawan/Tutong yang merentang dari sempadan kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan sehingga batu penanda yang kelima dari Bandar Seri Begawan di sepanjang jalan tersebut.
4. Sekeping tanah setengah batu lebar di setiap tepi jalan Bandar Seri Begawan/Kota Batu yang merentang dari sempadan kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan sehingga termasuk Kampong Palambayan ; dan
5. Sekeping tanah setengah batu lebar di setiap tepi jalan Bandar Seri Begawan/Bérakas yang merentang dari sempadan kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan sehingga persimpangan jalan tersebut dengan Jalan Muara.